



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGARUH *AL-HIKMAH, AL-SYAJA'AH, AL-'IFFAH,*  
DAN *AL-'ADLU* GURU PENDIDIKAN ISLAM  
TERHADAP KESEDIAAN PELAKSANAAN  
PENTAKSIRAN ALTERNATIF DIGITAL  
DI SEKOLAH KEBANGSAAN**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**SUHaida BINTI MOHD SUKIS**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2025**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGARUH *AL-HIKMAH*, *AL-SYAJA'AH*, *AL-IFFAH* DAN *AL-ADLU* GURU  
PENDIDIKAN ISLAM TERHADAP KESEDIAAN PELAKSANAAN  
PENTAKSIRAN ALTERNATIF DIGITAL  
DI SEKOLAH KEBANGSAAN**

**SUHaida Binti Mohd Sukis**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT  
UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Kertas Projek  
Sarjana Penyelidikan  
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus  
Doktor Falsafah




UNIVERSITI  
PENDIDIKAN  
SULTAN IDRIS

اونيزسيي فنديدين سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

### PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 09 (hari bulan) September (bulan) 2025

#### Perakuan Pelajar:

Saya, SUHAIIDA BINTI MOHD SUKIS, P20211000264, FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk PENGARUH AL-HIKMAH, AL-SYAJA'AH, AL-'IFFAH DAN AL'ADLU GURU PENDIDIKAN ISLAM TERHADAP KESEDIAAN PELAKSANAAN PENTAKSIRAN ALTERNATIF DIGITAL DI SEKOLAH KEBANGSAAN adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya..

\_\_\_\_\_  
Tandatangan pelajar

#### Perakuan Penyelia:

Saya NORHISHAM BIN MUHAMAD dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENGARUH AL-HIKMAH, AL-SYAJA'AH, AL-'IFFAH DAN AL'ADLU GURU PENDIDIKAN ISLAM TERHADAP KESEDIAAN PELAKSANAAN PENTAKSIRAN ALTERNATIF DIGITAL DI SEKOLAH KEBANGSAAN dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (PENDIDIKAN ISLAM).

\_\_\_\_\_  
Tarikh

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN  
TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk/Title: PENGARUH AL-HIKMAH, AL-SYAJA'AH, AL-'IFFAH DAN AL'ADLU GURU  
PENDIDIKAN ISLAM TERHADAP KESEDIAAN PELAKSANAAN  
PENTAKSIRAN ALTERNATIF DIGITAL DI SEKOLAH KEBANGSAAN

No. Matrik /*Matric's No.*: P20211000264

Saya/*I*: SUHAIIDA BINTI MOHD SUKIS membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

**SULIT/ CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

**TERHAD/ RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done*

**TIDAK TERHAD/ OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of  
Supervisor) & (Nama & Cop Rasmi /  
Name & Official Stamp)

Tarikh: \_\_\_\_\_

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction



## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ، نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpahan rahmat dan izin-Nya, kajian ini berjaya disempurnakan bagi memenuhi keperluan Ijazah Doktor Falsafah (Pendidikan Islam) di Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Pengalaman penyelidikan ini amat bermakna dan sarat dengan hikmah serta nilai kehidupan yang memperkaya jiwa dan pemikiran. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia atas tajaan penuh melalui Program Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) yang membolehkan saya melanjutkan pengajian ini dengan tumpuan sepenuhnya. Terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia utama, Prof. Madya Dr. Norhisham bin Muhamad, dan penyelia bersama, Prof. Madya Dr. Abd Hadi bin Borham, atas bimbingan, teguran dan sokongan berterusan. Juga kepada para pensyarah, pembaca, pemeriksa dan pakar rujuk atas sumbangan dan cadangan yang sangat bermakna dalam memperkukuh mutu kajian ini. Setulus penghargaan kepada Bahagian Dasar dan Penyelidikan, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Negeri serta Pejabat Pendidikan Daerah di seluruh Malaysia, guru besar dan guru Pendidikan Islam yang terlibat. Segala kerjasama dan perkongsian ilmu amat saya hargai. Syukur dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga buat suami tercinta, Suhaimi bin Haron, yang sentiasa memberikan sokongan dan bantuan dalam setiap langkah perjuangan ini. Semoga Allah membalas segala kebaikan dengan sebaik-baik ganjaran. Buat anak-anak tersayang, Safiy Sabrina, Syahin Izz Rifqi dan Sufiya Arissa, kalian adalah sumber kekuatan dan inspirasi dalam setiap langkah. Al-Fatihah buat al-marhum ayahanda dan al-marhumah bonda. Semoga roh mereka dirahmati Allah SWT dan ditempatkan dalam kalangan para solihin. Tidak dilupakan juga seluruh ahli keluarga atas kasih sayang, doa dan sokongan yang sentiasa mengiringi sepanjang perjalanan ini. Akhir sekali, buat rakan seperjuangan HLP, terima kasih atas sokongan, perkongsian dan ukhuwah yang sangat bermakna. Semoga jalinan ini terus erat dan diberkati Allah SWT hingga ke akhir hayat, Insya-Allah.

الحمد لله





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap *al-Hikmah*, *al-Syaja'ah*, *al-'Iffah*, *al-'Adlu* dan kesediaan guru Pendidikan Islam dalam pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Digital (PA-Digital) di Sekolah Kebangsaan. Kajian turut meneliti perbezaan berdasarkan lokasi, umur dan pengalaman, serta hubungan dan pengaruh antara pemboleh ubah kajian. Reka bentuk kajian menggunakan kaedah tinjauan hirisan rentas melibatkan 500 orang guru. Instrumen soal selidik diuji kebolehpercayaannya dengan Alpha Cronbach  $\alpha = 0.97$ , menunjukkan kebolehpercayaan sangat tinggi. Data kuantitatif dianalisis menggunakan statistik deskriptif (min, kekerapan, sisihan piawai) dan inferensi (Ujian-t, ANOVA, Korelasi dan Regresi), manakala data kualitatif diperoleh melalui temu bual separa berstruktur melibatkan tiga orang guru yang dipilih menggunakan kaedah pensampelan bertujuan. Dapatan menunjukkan tahap *al-Hikmah* (M=4.06), *al-'Iffah* (M=4.07), *al-'Adlu* (M=4.16) dan kesediaan (M=4.04) adalah tinggi, manakala *al-Syaja'ah* sangat tinggi (M=4.22). Hasil Ujian-t memperlihatkan perbezaan signifikan bagi *al-Hikmah* (0.021,  $p < 0.05$ ), *al-'Adlu* (0.005,  $p < 0.05$ ) dan kesediaan berdasarkan lokasi (0.002,  $p < 0.05$ ). Ujian ANOVA Sehalu menunjukkan perbezaan bagi *al-'Iffah* berdasarkan umur (0.000,  $p < 0.05$ ). Manakala tiada perbezaan signifikan bagi *al-Hikmah* ( $p=0.917 > 0.05$ ), *al-Syaja'ah* ( $p=0.653 > 0.05$ ), *al-'Adlu* ( $p=0.166 > 0.05$ ) dan kesediaan ( $p=0.392 > 0.05$ ) berdasarkan pengalaman mengajar. Korelasi menunjukkan hubungan signifikan antara nilai akhlak dengan kesediaan, manakala regresi menunjukkan *al-'Adlu* (41.3%) memberi pengaruh terbesar terhadap kesediaan, diikuti *al-'Iffah* (36.5%), *al-Hikmah* (32.9%) dan *al-Syaja'ah* (25.6%). Dapatan temu bual turut menyokong bahawa *al-Hikmah*, *al-Syaja'ah*, *al-'Iffah*, dan *al-'Adlu* serta tahap kesediaan guru merupakan elemen penting dalam pelaksanaan pentaksiran digital. Kesimpulannya, kajian ini membuktikan bahawa *al-Hikmah*, *al-Syaja'ah*, *al-'Iffah*, dan *al-'Adlu* berperanan penting dalam memperkukuh kesediaan guru terhadap pentaksiran digital serta menjadi asas bagi penyelidikan lanjutan. Implikasinya, *al-Hikmah*, *al-Syaja'ah*, *al-'Iffah*, dan *al-'Adlu* dapat menghasilkan kesediaan yang mampan dalam pelaksanaan PA-Digital di Sekolah Kebangsaan, sekali gus menyokong keberhasilan murid secara holistik dan bersepadu selaras dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 dan Dasar Pendidikan Digital 2023.





## THE INFLUENCE OF *AL-HIKMAH*, *AL-SYAJA'AH*, *AL-'IFFAH*, AND *AL-'ADLU* TEACHERS OF ISLAMIC EDUCATION ON THE READINESS OF THE IMPLEMENTATION OF DIGITAL ALTERNATIVE ASSESSMENTS IN PRIMARY SCHOOLS

### ABSTRACT

This study aims to identify the levels of *al-Hikmah*, *al-Syaja'ah*, *al-'Iffah*, *al-'Adlu* and the readiness of Islamic Education teachers in the implementation of digital alternative assessments (PA-digital) in primary schools. The study also examined differences based on location, age and experience, as well as the relationship and influence of the study variables. The study design using a cross-sectional survey method involved 500 teachers. The questionnaire instrument was tested reliability with Alpha Cronbach  $\alpha = 0.97$ , showing very high reliability. Quantitative data were analyzed using descriptive statistics (mean, frequency, standard deviation) and inference (T-test, ANOVA, correlation and regression), while qualitative data were obtained through a structured semi-structured interview involving three selected teachers using the purposive sampling method. The findings indicate the level of *al-Hikmah* ( $m = 4.06$ ), *al-'Iffah* ( $m = 4.07$ ), *al-'Adlu* ( $m = 4.16$ ) and readiness ( $m = 4.04$ ) are high, while *al-Syaja'ah* is very high ( $M = 4.22$ ). The Test results show a significant difference in *al-Hikmah* ( $0.021$ ,  $p < 0.05$ ), *al-'Adlu* ( $0.005$ ,  $p < 0.05$ ) and location-based readiness ( $0.002$ ,  $p < 0.05$ ). One-way ANOVA tests showed differences in *al-'Iffah* based on age ( $0.000$ ,  $p < 0.05$ ). While there was no significant difference in *al-Hikmah* ( $p = 0.917 > 0.05$ ), *al-Syaja'ah* ( $p = 0.653 > 0.05$ ), *al-'Adlu* ( $p = 0.166 > 0.05$ ) and readiness ( $p = 0.392 > 0.05$ ) based on teaching experience. The correlation shows a significant relationship between moral values and readiness, while the regression shows *al-'Adlu* (41.3%) has the greatest influence on readiness, followed by *al-'Iffah* (36.5%), *al-Hikmah* (32.9%) and *al-Syaja'ah* (25.6%). The findings of the interview also support that *al-Hikmah*, *al-Syaja'ah*, *al-'Iffah*, and *al-'Adlu* and the level of teacher readiness are an important element in the implementation of digital assessment. In conclusion, this study proves that *al-Hikmah*, *al-Syaja'ah*, *al-'Iffah*, and *al-'Adlu* play an important role in strengthening teachers' readiness for digital assessment and form the basis for further research. Its implications, *al-Hikmah*, *al-Syaja'ah*, *al-'Iffah*, and *al-'Adlu* can produce sustainable readiness in the implementation of PA-Digital in primary schools, thus supporting holistic and integrated students in line with the aspirations of the Malaysian Education Development Plan (PPPM) 2013–2025 and Digital Education Policy 2023.



## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
<b>BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xvi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xxv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xxvii
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xxx
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	10
1.4 Objektif Kajian	15
1.5 Persoalan Kajian	16
1.6 Hipotesis Kajian	17
1.7 Batasan Kajian	20
1.8 Kepentingan Kajian	22

1.9	Kerangka Konseptual Kajian	26
1.10	Definisi Operasional Kajian	29
1.11	Kesimpulan	32

## **BAB 2 KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pendahuluan	33
2.2	Pengujian, Pengukuran, Penilaian dan Pentaksiran dalam Pendidikan Islam	34
2.2.1	Pengujian	34
2.2.2	Pengukuran	35
2.2.3	Penilaian	36
2.2.4	Pentaksiran	37
2.3	Transformasi dan Perubahan Kurikulum Sekolah Kebangsaan	39
2.3.1	Perkembangan Awal Kurikulum Sekolah Rendah di Malaysia (1955-1982)	41
2.3.2	Kurikulum Baru Sekolah Rendah 1983-1992 (KBSR)	42
2.3.3	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah 1993-2010 (KBSR)	43
2.3.4	Semakan KBSR (2003)	44
2.3.5	Kurikulum Standard Sekolah Rendah 2011 – 2025 (KSSR)	44
2.3.6	Kurikulum Semakan KSSR (2016)	45
2.4	Kurikulum Pendidikan Islam KSSR Sekolah Rendah	45
2.5	Pentaksiran dalam Pendidikan Islam	52
2.6	Perubahan Pentaksiran	54
2.6.1	Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)	54
2.6.2	Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) Sekolah Rendah	56
2.6.3	Pentaksiran Bilik Darjah Secara Atas Talian	65

2.6.3.1	Pentaksiran Alternatif Digital (PA -Digital)	74
2.7	Teori yang Mendasari Kajian	78
2.7.1	Biodata dan Latar Belakang Imam Al-Ghazali (450H-505H)	79
2.7.2	Teori Al-Ghazali (1964)	80
2.8	Kajian Berkaitan <i>Al-Hikmah</i> , <i>Al-Syaja 'ah</i> , <i>Al- 'Iffah</i> dan <i>Al- Adlu</i>	96
2.8.1	Akhlak <i>al-Hikmah</i> (Kebijaksanaan)	96
2.8.2	Akhlak <i>al-Syaja 'ah</i> (Keberanian)	101
2.8.3	Akhlak <i>al- 'Iffah</i> (Pengendalian dan kawalan diri)	106
2.8.4	Akhlak <i>al- 'Adlu</i> (Keadilan)	110
2.9	Kajian Lepas Berkaitan Kebijakan, Keberanian, Kawalan Diri dan Keadilan Guru dalam Pentaksiran Bilik Darjah	115
2.9.1	Kebijakan Guru dalam Pentaksiran	115
2.9.2	Keberanian Guru dalam Pentaksiran	118
2.9.3	Pengendalian Diri Guru dalam Pentaksiran	122
2.9.4	Keadilan Guru dalam Pentaksiran	124
2.10	Kajian Lepas Berkaitan Kesiediaan Guru dalam Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah	125
2.11	Kajian Lepas Berkaitan Faktor Demografi	126
2.12	Kesimpulan	128
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>		
3.1	Pendahuluan	129
3.2	Reka Bentuk Kajian	129
3.3	Populasi dan Pensampelan	135
3.4	Instrumen Kajian	147

3.4.1	Soal Selidik	149
3.4.2	Soalan Temu bual Separa Berstruktur	155
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik	156
3.5.1	Kesahan Kandungan Instrumen Soal Selidik Melalui Pembuktian ( <i>Content- Related Evidence of Validity</i> )	157
3.5.2	Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik	167
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan Protokol Temu bual	173
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	180
3.7.1	Prosedur Pengumpulan Data Kuantitatif	180
3.7.2	Prosedur Pengumpulan Data Temu bual (Kualitatif)	184
3.8	Prosedur Penganalisan Data	188
3.8.1	Analisis Deskriptif	189
3.8.2	Analisis Data Temu Bual	190
3.8.3	Analisis Inferensi	195
3.8.3.1	Analisis Ujian T	196
3.8.3.2	Analisis Anova Sehala	198
3.8.3.3	Analisis Korelasi	199
3.8.3.4	Analisis Regresi	200
3.9	Etika Kajian	203
3.10	Rumusan Analisis Data dan Pengurusan	207
3.11	Kesimpulan	208
<b>BAB 4 DAPATAN KAJIAN</b>		
4.1	Pendahuluan	209
4.2	Analisis Data Demografi/ Profil	209
4.3	Analisis Dapatan Kajian Statistik Deskriptif dan Temu bual	212

4.3.1	Dapatan Tahap <i>al-Hikmah</i> , <i>al-Syaja'ah</i> , <i>al-'Iffah</i> dan <i>al-'Adlu</i> dalam Pentaksiran Alternatif Digital di sekolah kebangsaan.	212
4.3.2	Dapatan Data Temu bual (Kualitatif) yang Menyokong Data Deskriptif (Kuantitatif) <i>al-Hikmah</i> , <i>al-Syaja'ah</i> , <i>al-'Iffah</i> dan <i>al-'Adlu</i>	237
4.3.3	Dapatan Tahap Kesediaan GPI dalam Pentaksiran Alternatif Digital di Sekolah Kebangsaan.	262
4.3.4	Dapatan Data Temu bual (Kualitatif) yang Menyokong Data Deskriptif (Kuantitatif) Kesediaan	268
4.4	Ujian Andaian Multivariat	274
4.4.1	Ujian Kepencongan Skewness dan Kurtosis	275
4.4.2	Histogram Berdasarkan <i>Standardized Residuals</i>	276
4.4.3	Kelinearan	277
4.4.4	Homoscedasticity	277
4.5	Analisis Perbezaan ( <i>t-Test</i> dan <i>One Way Anova</i> )	278
4.5.1	Analisis Perbezaan Tahap <i>al-Hikmah</i> , <i>al-Syaja'ah</i> , <i>al-'Iffah</i> dan <i>al-'Adlu</i> GPI dalam Pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Digital di Sekolah Kebangsaan Berdasarkan Lokasi	279
4.5.2	Analisis Perbezaan Tahap <i>al-Hikmah</i> , <i>al-Syaja'ah</i> , <i>al-'Iffah</i> dan <i>al-'Adlu</i> GPI dalam Pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Digital di Sekolah Kebangsaan Berdasarkan Pengalaman Mengajar	283
4.5.3	Analisis Perbezaan Tahap <i>al-Hikmah</i> , <i>al-Syaja'ah</i> , <i>al-'Iffah</i> dan <i>al-'Adlu</i> GPI dalam Pentaksiran Alternatif Digital di Sekolah Kebangsaan Berdasarkan Umur	289
4.5.4	Analisis Perbezaan Tahap Kesediaan GPI dalam Pentaksiran Alternatif Digital di Sekolah Kebangsaan Berdasarkan Lokasi	294
4.5.5	Analisis Perbezaan Tahap Kesediaan GPI dalam Pentaksiran Alternatif Digital di Sekolah Kebangsaan Berdasarkan Pengalaman Mengajar	295

4.5.6	Analisis Perbezaan Tahap Kesediaan GPI dalam Pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Digital di Sekolah Kebangsaan Berdasarkan Umur	296
4.6	Analisis Hubungan (Korelasi)	298
4.6.1	Analisa Hubungan <i>al-Hikmah</i> dengan Kesediaan GPI dalam PA-Digital di Sekolah Kebangsaan.	299
4.6.2	Analisa Hubungan <i>al-Syaja'ah</i> dengan Kesediaan GPI dalam PA-Digital di Sekolah Kebangsaan.	300
4.6.3	Analisa Hubungan <i>al-Iffah</i> Guru dengan Kesediaan GPI dalam PA-Digital di Sekolah Kebangsaan.	301
4.6.4	Analisa Hubungan <i>al-Adlu</i> dengan Kesediaan GPI dalam PA-Digital di Sekolah Kebangsaan	303
4.7	Analisis Pengaruh (Regresi)	304
4.7.1	Analisis Regresi Linear	304
4.8	Rumusan Keseluruhan Dapatan Analisis Data dan Pengukuran	313
4.8.1	Rumusan Dapatan Deskriptif dan Temu bual	313
4.8.2	Rumusan Dapatan Inferensi	315
4.8.3	Rumusan Ujian Hipotesis Kajian	318
4.9	Kesimpulan	320

## **BAB 5 RUMUSAN DAN PERBINCANGAN**

5.1	Pendahuluan	321
5.2	Rumusan Kajian	321
5.2.1	Perbincangan Dapatan Kajian	326
5.2.2	Data Demografi Kajian - Profil Guru Pendidikan Islam	327
5.2.3	Tahap <i>al-Hikmah</i> , <i>al-Syaja'ah</i> , <i>al-Iffah</i> dan <i>al-Adlu</i> dalam pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Digital di Sekolah Kebangsaan	329

5.2.3.1	Tahap <i>al-Hikmah</i> (kebijaksanaan) guru Pendidikan Islam terhadap PA-Digital di Sekolah Kebangsaan	330
5.2.3.2	Tahap <i>al-Syaja'ah</i> (keberanian) guru Pendidikan Islam terhadap PA-Digital di Sekolah Kebangsaan	332
5.2.3.3	Tahap <i>al-Iffah</i> (pengendalian dan kawalan diri) guru Pendidikan Islam terhadap PA-Digital di Sekolah Kebangsaan	336
5.2.3.4	Tahap <i>al-'Adlu</i> (keadilan) guru Pendidikan Islam terhadap PA-Digital di Sekolah Kebangsaan	338
5.2.4	Tahap Kesediaan GPI dalam PA- Digital di Sekolah Kebangsaan	344
5.2.5	Perbezaan Tahap <i>al-Hikmah</i> , <i>al-Syaja'ah</i> , <i>al-Iffah</i> dan <i>al-'Adlu</i> Mengikut Lokasi, Umur dan Pengalaman Mengajar	350
5.2.5.1	Perbezaan tahap <i>al-Hikmah</i> (kebijaksanaan) guru Pendidikan Islam Terhadap PA-Digital di Sekolah Kebangsaan berdasarkan lokasi, pengalaman mengajar dan umur guru.	350
5.2.5.2	Perbezaan tahap <i>al-Syaja'ah</i> (keberanian) guru Pendidikan Islam Terhadap PA- Digital di Sekolah Kebangsaan berdasarkan lokasi, pengalaman mengajar dan umur guru.	352
5.2.5.3	Perbezaan tahap <i>al'Iffah</i> (kawalan diri) guru Pendidikan Islam terhadap PA- Digital di Sekolah Kebangsaan berdasarkan lokasi, pengalaman mengajar dan umur guru.	354
5.2.5.4	Perbezaan tahap <i>al'Adlu</i> (keadilan) guru Pendidikan Islam terhadap PA- Digital di Sekolah Kebangsaan berdasarkan lokasi, pengalaman mengajar dan umur guru.	355
5.2.6	Perbezaan Kesediaan Mengikut Lokasi, Umur dan Pengalaman Mengajar	356

5.2.7	Hubungan Akhlak <i>al-Hikmah</i> , <i>al-Syaja'ah</i> , <i>al-'Iffah</i> dan <i>al-'Adu</i> dengan Kesediaan GPI dalam Pentaksiran Alternatif Digital di Sekolah Kebangsaan.	357
5.2.8	Pengaruh Akhlak <i>al-Hikmah</i> , <i>al-Syaja'ah</i> , <i>al-'Iffah</i> dan <i>al-'Adu</i> Terhadap Kesediaan GPI dalam Pentaksiran Alternatif Digital di Sekolah Kebangsaan	360
5.3	Implikasi Kajian	365
5.3.1	Implikasi Teori	365
5.3.2	Implikasi Praktikal	373
5.3.3	Implikasi Dasar	377
5.4	Sumbangan Kajian	379
5.4.1	Model Konseptual Amalan Beretika dalam PA- Digital	380
5.4.2	Sumbangan Kajian kepada Cadangan Latihan Profesional Guru	383
5.4.3	Gabungan Pemboleh Ubah Baharu.	385
5.4.4	Pengukuhan Pendidikan Holistik	390
5.4.5	Rujukan untuk Penambahbaikan Kurikulum Pendidikan Islam dan Kaedah Pentaksiran	393
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	398
5.5.1	Penglibatan Responden Lebih Lanjut	398
5.5.2	Penyelidikan Berasaskan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (DDR)	399
5.5.3	Pengaruh Faktor Demografi Terhadap Pelaksanaan PA-Digital	400
5.5.4	Penekanan kepada Kesan Pelaksanaan PA-Digital Terhadap Murid	401

5.5.5	Pengembangan Aspek Pentaksiran dan Pemboleh Ubah Lain.	401
5.6	Penutup	401
	<b>RUJUKAN</b>	404
	<b>LAMPIRAN</b>	456

## SENARAI JADUAL

No Jadual		Muka Surat
1.1	Jadual Senarai Pemboleh Ubah	28
2.1	Perbandingan Aspek Pentaksiran KSSR dengan KSSR (Semakan 2017)	56
2.2	Penyataan Tahap Penguasaan (TP)	59
2.3	Modul DELIMa	69
2.4	Pentaksiran Alternatif Digital	78
2.5	Pentaksiran Atas Talian	78
2.6	Elemen Akhlak al-Ghazali dan Aplikasinya dalam Pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Digital	82
3.1	Bilangan Sekolah Kajian yang Terlibat di Malaysia	132
3.2	Bilangan GPI di Malaysia	136
3.3	Saiz Populasi GPI berdasarkan Kategori Jantina, Kelayakan Akademik dan Umar	137
3.4	Bilangan Sampel Kajian Mengikut Zon dan Negeri	142
3.5	Dimensi Demografi GPI	151
3.6	Skala Likert 5 Tahap Persetujuan	153



3.7	Taburan Item Soal Selidik Bagi Setiap Konstruk	154
3.8	Pakar Rujuk ( <i>Panel Expert</i> )	158
3.9	Nilai Skor I-CVI	159
3.10	Kesahan Kandungan Item <i>al-Hikmah</i>	160
3.11	Kesahan Kandungan Item <i>al-Syaja'ah</i>	161
3.12	Kesahan Kandungan Item <i>al-Iffah</i>	162
3.13	Kesahan Kandungan Item <i>al-'Adlu</i>	163
3.14	Kesahan Kandungan Item Kesediaan	164
3.15	Pengiraan Nilai S-CVI	165
3.16	Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan <i>Alpha Cronbach</i>	168
3.17	Keputusan Ujian Kebolehpercayaan Kajian Rintis (n=101)	172
3.18	Nilai <i>Alpha Cronbach</i> bagi Setiap Dimensi dalam Soal Selidik	173
3.19	Senarai Pakar Analisis Persetujuan Pembinaan Tema Data Kualitatif	175
3.20	Tahap Persetujuan Analisis Indeks Cohen Kappa.	177
3.21	Pengiraan nilai persetujuan kappa koefisien antara pakar penilai	178
3.22	Skala interpretasi nilai Koefisien Kappa	179
3.23	Perancangan Pengumpulan Data Mengikut Zon	181
3.24	Interpretasi Skor Purata Min Tahap akhlak Guru dalam Pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Digital	190



3.25	Pengkategorian Analisis Data Temu Bual Berdasarkan Tema, Sub tema dan Sub-subtema bagi <i>al-Hikmah</i> dan <i>al-Syaja'ah</i>	192
3.26	Pengkategorian Analisis Data Temu Bual Berdasarkan Tema, Sub tema dan Sub-subtema bagi <i>al- 'Iffah</i> dan <i>al- 'Adlu</i>	193
3.27	Pengkategorian Analisis Data Temu Bual Berdasarkan Tema, Sub tema dan Sub-subtema bagi Kesediaan	194
3.28	Tafsiran Nilai Korelasi	200
3.29	Tafsiran Saiz Kesan Ujian Regresi	203
3.30	Rumusan Analisis Data dan Pengukuran	207
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina, Umur, Pengalaman Mengajar, Lokasi dan Kelayakan Akademik	210
4.2	Tahap Elemen Akhlak <i>al-Hikmah</i> , <i>al-Syaja'ah</i> , <i>al- 'Iffah</i> dan <i>al- 'Adlu</i> GPI Terhadap PA-Digital	213
4.3	Analisis Keseluruhan Subdimensi <i>al-Hikmah</i> dalam PBD dan PA-Digital	214
4.4	Analisis Item <i>al-Hikmah</i> Konsep PBD dan PA-Digital	215
4.5	Analisis Item <i>al-Hikmah</i> Objektif Utama Pentaksiran Bilik Darjah	217
4.6	Analisis Item <i>al-Hikmah</i> Ciri Utama PA-Digital	218
4.7	Analisis Keseluruhan Subdimensi <i>al-Syaja'ah</i> dalam PA-Digital	220
4.8	Analisis Item <i>al-Syaja'ah</i> Perancangan PA-Digital	221
4.9	Analisis Item <i>al-Syaja'ah</i> Kaedah Pelaksanaan PA-Digital	222
4.10	Analisis Item <i>al-Syaja'ah</i> Pertimbangan Profesional PA-Digital	224

4.11	Analisis Keseluruhan Subdimensi <i>al- 'Iffah</i> (kawalan diri) dalam PA-Digital	225
4.12	Analisis Item <i>al- 'Iffah</i> Pandangan PA-Digital	226
4.13	Analisis Item <i>al- 'Iffah</i> Tingkah Laku PA-Digital	227
4.14	Analisis Item <i>al- 'Iffah</i> Perubahan PA-Digital	229
4.15	Analisis Keseluruhan Sub dimensi <i>al- 'Adlu</i> Dalam PA-Digital	231
4.16	Analisis Item <i>al- 'Adlu</i> Pelaporan PA-Digital	232
4.17	Analisis Item <i>al- 'Adlu</i> Tindak Susul PA-Digital	233
4.18	Analisis Item <i>al- 'Adlu</i> Perekodan Data PA-Digital	235
4.19	Sokongan Dapatan Temu bual Tema <i>al-Hikmah</i> dan Subtema Konsep Pentaksiran	239
4.20	Sokongan Dapatan Temu bual Tema <i>al-Hikmah</i> dan Subtema Objektif Pentaksiran	240
4.21	Sokongan Dapatan Temu bual Tema <i>al-Hikmah</i> dan Subtema Ciri -Ciri Pentaksiran	242
4.22	Sokongan Dapatan Temu bual Tema <i>al-Syaja'ah</i> dan Subtema Pelaksanaan Pentaksiran	245
4.23	Sokongan Dapatan Temu bual Tema <i>al-Syaja'ah</i> dan Subtema Kaedah Pentaksiran	247
4.24	Sokongan Dapatan Temu bual Tema <i>al-Syaja'ah</i> dan Subtema Pertimbangan Profesional	249
4.25	Sokongan Dapatan Temu bual Tema <i>al- 'Iffah</i> dan Subtema Pandangan Tentang Pentaksiran	251



4.26	Sokongan Dapatan Temu bual Tema <i>al- 'Iffah</i> dan Subtema Tingkah laku dalam Pentaksiran	253
4.27	Sokongan Dapatan Temu bual Tema <i>al- 'Iffah</i> dan Subtema Perubahan Pentaksiran	255
4.28	Sokongan Dapatan Temu bual Tema <i>al- 'Adu</i> dan Subtema Pelaporan Pentaksiran	257
4.29	Sokongan Dapatan Temu bual Tema <i>al- 'Adu</i> dan Subtema Tindak Susul Pentaksiran	258
4.30	Sokongan Dapatan Temu bual Tema <i>al- 'Adu</i> dan Subtema Perakodan Pentaksiran	260
4.31	Analisis Keseluruhan Sub dimensi Tahap Kesiediaan Guru Pendidikan Islam dalam PA-Digital	263
4.32	Analisis Item Kesiediaan Amalan Pentaksiran Dalam PA-Digital	263
4.33	Analisis Item Kesiediaan Strategi Pelaksanaan Dalam PA-Digital	265
4.34	Analisis Item Kesiediaan Peningkatan Pengetahuan Dalam PA-Digital	266
4.35	Sokongan Dapatan Temu bual Tema Kesiediaan dan Subtema Amalan Pentaksiran	268
4.36	Sokongan Dapatan Temu bual Tema Kesiediaan dan Subtema Strategi Pelaksanaan	270
4.37	Sokongan Dapatan Temu bual Tema Kesiediaan dan Subtema Peningkatan Pengetahuan	272
4.38	Taburan kenormalan	275
4.39	T-Test Perbezaan Tahap <i>al-Hikmah</i> Guru Pendidikan Islam di sekolah kebangsaan Dalam PA-Digital Berdasarkan Lokasi	280



4.40	T-Test Perbezaan Tahap <i>al-Syaja'ah</i> Guru Pendidikan Islam di sekolah kebangsaan dalam PA-Digital Berdasarkan Lokasi	281
4.41	t-Test Perbezaan Tahap <i>al- 'Iffah</i> Guru Pendidikan Islam di sekolah kebangsaan dalam PA-Digital Berdasarkan Lokasi	282
4.42	T-Test Perbezaan Tahap <i>al- 'Adlu</i> Guru Pendidikan Islam di sekolah kebangsaan dalam PA-Digital Berdasarkan Lokasi	283
4.43	Analisis kehomogenan varians menggunakan ujian Levene ( <i>al- 'Hikmah/Pengalaman</i> )	284
4.44	Analisis ANOVA Sehalah perbezaan <i>al- 'Hikmah</i> guru Pendidikan Islam terhadap PA-Digital di Sekolah Kebangsaan berdasarkan pengalaman mengajar	284
4.45	Analisis kehomogenan varians menggunakan ujian Levene ( <i>al-Syaja'ah/Pengalaman</i> )	285
4.46	Analisis ANOVA Sehalah perbezaan <i>al-Syaja'ah</i> guru Pendidikan Islam terhadap PA-Digital di Sekolah Kebangsaan berdasarkan pengalaman mengajar	285
4.47	Analisis kehomogenan varians menggunakan ujian Levene ( <i>al- 'Iffah/ Pengalaman</i> )	286
4.48	Analisis ANOVA Sehalah perbezaan <i>al- 'Iffah</i> guru Pendidikan Islam terhadap PA-Digital di sekolah kebangsaan berdasarkan pengalaman mengajar	286
4.49	Post-hoc Scheffe <i>al- 'Iffah</i> Guru Pendidikan Islam dalam Pentaksiran Bilik Darjah berdasarkan pengalaman mengajar	287
4.50	Analisis kehomogenan varians menggunakan ujian Levene ( <i>al- 'Adlu/ Pengalaman</i> )	288
4.51	Analisis ANOVA Sehalah perbezaan <i>al'Adlu</i> guru Pendidikan Islam terhadap PA-Digital di sekolah kebangsaan berdasarkan pengalaman mengajar	288



- 4.52 Analisis kehomogenan varians menggunakan ujian Levene (al-Hikmah/ umur) 289
- 4.53 Analisis ANOVA Sehala perbezaan al-Hikmah guru Pendidikan Islam terhadap PA-Digital di sekolah kebangsaan berdasarkan umur 290
- 4.54 Analisis kehomogenan varians menggunakan ujian Levene (al-Syaja'ah/umur) 290
- 4.55 Analisis ANOVA Sehala perbezaan al-Syaja'ah guru Pendidikan Islam terhadap PA-Digital di sekolah kebangsaan berdasarkan Umur 291
- 4.56 Analisis kehomogenan varians menggunakan ujian Levene (al-Iffah/umur) 291
- 4.57 Analisis ANOVA Sehala perbezaan al-Iffah guru Pendidikan Islam terhadap PA-Digital di sekolah kebangsaan berdasarkan Umur 292
- 4.58 Post-Hoc Scheffe al-Iffah Guru Pendidikan Islam dalam Pentaksiran Alternatif Digital Berdasarkan Umur 292
- 4.59 Analisis kehomogenan varians menggunakan ujian Levene (al-Adlu/Umur) 293
- 4.60 Analisis ANOVA Sehala perbezaan al-Adlu guru Pendidikan Islam terhadap PA-Digital di sekolah kebangsaan berdasarkan umur guru 294
- 4.61 T-Test perbezaan tahap kesediaan Guru Pendidikan Islam di sekolah kebangsaan dalam PA-Digital berdasarkan lokasi 295
- 4.62 Analisis kehomogenan varians menggunakan ujian Levene (Kesediaan/Pengalaman) 296
- 4.63 Analisis ANOVA Sehala perbezaan kesediaan guru Pendidikan Islam terhadap PA-Digital di sekolah kebangsaan berdasarkan pengalaman guru 296



4.64	Analisis kehomogenan varians menggunakan ujian Levene (Kesediaan/Umur)	297
4.65	Analisis ANOVA Sehalah perbezaan Kesediaan guru Pendidikan Islam terhadap pelaksanaan PA-Digital di sekolah kebangsaan berdasarkan Umur	297
4.66	Rumusan Perbezaan <i>al-Hikmah</i> , <i>al-Syaja'ah</i> , <i>al-Iffah</i> , <i>al-'adlu</i> dan Kesediaan GPI Berdasarkan Lokasi, Pengalaman Mengajar dan Umur Guru Dalam PA-Digital	298
4.67	Analisis Hubungan Antara <i>al-Hikmah</i> Dengan Kesediaan GPI	299
4.68	Analisis Hubungan <i>al-Syaja'ah</i> Dengan Kesediaan Guru Pendidikan Islam	300
4.69	Analisis Hubungan <i>al-Iffah</i> Guru Dengan Kesediaan Guru Pendidikan Islam	302
4.70	Analisis Hubungan <i>al-'Adlu</i> Dengan Kesediaan Guru Pendidikan Islam	303
4.71	Analisis Regresi Linear <i>al-Hikmah</i> Guru Terhadap Kesediaan PA-Digital	305
4.72	Analisis Regresi Linear <i>al-Syaja'ah</i> Guru Terhadap Kesediaan PA-Digital	307
4.73	Analisis Regresi Linear <i>al-Iffah</i> Guru Terhadap Kesediaan PA-Digital	310
4.74	Analisis Regresi Linear <i>al-'Adlu</i> Guru Terhadap Kesediaan PA- Digital	312
4.75	Rumusan Dapatan Kajian Bagi Persoalan Kajian Ketiga dan Keempat (Hasil Analisis Ujian T)	315

4.76	Rumusan Dapatan Kajian Bagi Persoalan Kajian Ketiga dan Keempat (Hasil Analisis ANOVA Sehal)	316
4.77	Rumusan Dapatan Kajian Bagi Persoalan Kajian Kelima	317
4.78	Rumusan Dapatan Kajian Bagi Persoalan Kajian Keenam, Ketujuh, Kelapan dan Kesembilan	317
4.79	Ringkasan Keputusan Ujian Hipotesis Kajian	318

## SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	28
1.2	Konsep Pentaksiran Alternatif Digital	30
2.1	Perkembangan Kurikulum Pendidikan Sekolah Rendah Malaysia	41
2.2	Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)	55
2.3	Carta Alir Pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah	65
2.4	PBS, PBD dan Pentaksiran Alternatif Digital	75
2.5	Kerangka Teori Akhlak Imam Al-Ghazali (1964).	95
2.6	Kerangka <i>al-Hikmah</i> GPI	100
2.7	Kerangka <i>al-Syaja'ah</i> GPI	105
2.8	Kerangka <i>al-Iffah</i> GPI	109
2.9	Kerangka <i>al-'Adlu</i> GPI	114
3.1	Metodologi Kajian	135
3.2	Reka Bentuk Pensampelan	143

3.3	Contoh Kiraan Nisbah Mengikut Bilangan GPI dan Sekolah bagi Setiap Zon	144
3.4	Contoh Kiraan Nisbah Mengikut Bilangan GPI dan Sekolah bagi Setiap Negeri	144
3.5	Proses Kerja Pengumpulan Data Kajian Kuantitatif	183
3.6	Prosedur Pengumpulan Data Temu bual	185
4.1	Ujian Kenormalan Histogram berdasarkan <i>Standardized Residuals</i>	276
4.2	Normal <i>Probability P-Plot</i> Regresi Berganda berdasarkan <i>Standardized Residuals</i>	277
4.3	Ujian <i>Homoscedasticity</i> Bagi Kesediaan Guru Dalam Pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Digital Di Sekolah Kebangsaan	278
4.4	Nilai Pengaruh <i>al-Hikmah</i> Terhadap Kesediaan PA-Digital GPI	307
4.5	Nilai Pengaruh <i>al-Syaja'ah</i> Terhadap Kesediaan PA-Digital GPI	309
4.6	Nilai Pengaruh <i>al-Iffah</i> Dengan Kesediaan PA-Digital GPI	311
4.7	Nilai Pengaruh <i>al-'Adlu</i> Dengan Kesediaan PA-Digital GPI	313
5.1	Model Konseptual Amalan Beretika GPI dalam PA-Digital	383

## SENARAI SINGKATAN

BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
BPI	Bahagian Pendidikan Islam
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
BPSH	Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
DPD	Dasar Pendidikan Digital
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
DELIMa	Digital Educational Learning Initiative Malaysia
EPRD	Bahagian Penyelidikan Dasar Pendidikan
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
FPI	Falsafah Pendidikan Islam
FPSR	Falsafah Pendidikan Sekolah Rendah
GPI	Guru Pendidikan Islam
HATAF	Halaqah Tafaqquh Fiddin
IPG	Institut Pendidikan Guru
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
JPNS	Jabatan Pendidikan Negeri Selangor
JPNSW	Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak
JPNSabah	Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
JPNJ	Jabatan Pendidikan Negeri Johor

JPNKedah	Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
JPNKelantan	Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
JPWPKL	Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
JPWPP	Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya
JPWPL	Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan
JPNM	Jabatan Pendidikan Negeri Melaka
JPNNS	Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
JPNPahang	Jabatan Pendidikan Negeri Pahang
JPNPP	Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
JPNPk	Jabatan Pendidikan Negeri Perak
JPNPs	Jabatan Pendidikan Negeri Perlis
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KOMPAS 2.0	Kompetensi Pemimpin Sekolah 2.0
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LADAP	Latihan Dalam Perkhidmatan
MBMMBI	Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris
OECD	The Organization for Economic Co-operation and Development
PA Digital	Pentaksiran Alternatif Digital
PAJSK	Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPR	Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PKBS	Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah

PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PLC	Komuniti Pembelajaran Profesional
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPK	Pusat Perkembangan Kurikulum
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PS	Pentaksiran Sekolah
PPSR	Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah
PPSMI	Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris
PPsi	Pentaksiran Psikometrik
RPT	Rancangan Pelajaran Tahunan
RPH	Rancangan Pelajaran Harian
RPM	Rekod Perkembangan Murid
SK	Standard Kandungan
SP	Standard Pembelajaran
SPi	Standard Prestasi
SPLKPM	Sistem Pengurusan Latihan Kementerian Pendidikan Malaysia
TP	Tahap Penguasaan
TPK	Tahap Penguasaan Keseluruhan
UNESCO	United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization
UPD5	Ujian Penilaian Darjah 5
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
VLE Frog	Frog Virtual Learning Environment

## SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Soal Selidik
- B Inventori Protokol Temu Bual
- C Kebenaran ERAS
- D Kebenaran JPN
- E Kebenaran Etika
- F Kebenaran Instrumen
- G Borang Penilaian Pakar Instrumen Soal Selidik
- H Borang Persetujuan Pakar Protokol temu bual
- I Contoh Surat Lantikan Pakar
- J Permohonan Data Guru Kpm
- K Surat Pengesahan dan Persetujuan Peserta Kajian
- L Contoh Transkrip Temu bual GPI
- M Senarai Penerbitan



## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Institusi pendidikan memainkan peranan penting dalam melahirkan individu yang seimbang, harmoni, dan cemerlang secara holistik. Prinsip ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), yang bertujuan melahirkan pelajar cemerlang daripada segi intelek, emosi, rohani, dan jasmani. Objektif ini juga seiring dengan matlamat Pendidikan Islam, iaitu membentuk individu Muslim yang berpengetahuan, berkebolehan, berbudi bahasa, dan berakhlak mulia. Pendidikan Islam merupakan usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, pengetahuan, dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Matlamat utamanya adalah untuk membentuk sikap, kebolehan, dan pandangan hidup individu sebagai hamba Allah yang bertanggungjawab terhadap pembangunan diri, masyarakat, persekitaran, dan negara.

Selaras dengan matlamat tersebut, Pendidikan Islam juga menyumbang kepada salah satu anjakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025, iaitu melahirkan individu yang seimbang dan harmoni secara holistik (Sabaryah





et al., 2014). Menurut Khairulnazrin Nasir et al. (2020), falsafah Pendidikan Islam menggabungkan tiga elemen utama, iaitu Islam, falsafah, dan pendidikan. Falsafah ini bertujuan menerangkan prinsip-prinsip pendidikan berasaskan ajaran Islam yang menyediakan individu dengan pengalaman dan pengetahuan yang mencukupi untuk memahami diri mereka serta melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah. Falsafah ini juga memberi penekanan kepada pelbagai aspek seperti akidah, ibadah, akhlak, akal, rohani, jasmani, keterampilan, kemasyarakatan, dan kepimpinan, dengan matlamat melahirkan modal insan yang soleh dan berkualiti (Maimun Aqsha Lubis et al., 2021).

Perubahan dalam kurikulum pendidikan negara turut memainkan peranan penting dalam perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia. Dari tahun 1955 hingga 1982, kurikulum yang diperkenalkan berfungsi sebagai asas pendidikan rendah. Pada tahun 1983, Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) diperkenalkan dan digunakan sehingga 1992. Kurikulum ini kemudian digantikan oleh Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1993, yang dilaksanakan sehingga tahun 2010. Bagi memenuhi keperluan pendidikan semasa, Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) diperkenalkan pada tahun 2011 sebagai sebahagian daripada transformasi kurikulum Pendidikan Islam dan dijangka terus dilaksanakan sehingga 2025.

Dalam konteks transformasi kurikulum Pendidikan Islam, Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) telah diperkenalkan. PBD melibatkan penilaian berterusan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bagi menilai perkembangan, keupayaan, dan pencapaian murid dalam mencapai matlamat kurikulum. PBD turut merangkumi proses pengumpulan, analisis, dan refleksi terhadap pembelajaran murid, serta memberi





peluang kepada guru untuk menambah baik amalan pengajaran mereka. Menurut Kantrowitz dan Wingert (2000), keberkesanan sistem pendidikan negara sering dikaitkan dengan keupayaan guru dan pemimpin sekolah dalam melaksanakan kurikulum dengan berkesan. Oleh itu, kemampuan guru dalam melaksanakan pentaksiran semasa PdP Pendidikan Islam menjadi faktor utama dalam memperkasakan PBD Pendidikan Islam.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025 bertujuan untuk memperkukuh pendidikan Islam. Semua pihak perlu menggalakkan dan menyokong usaha ini, kerana ia merupakan agenda nasional. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berhasrat untuk meningkatkan elemen pentaksiran Pendidikan Islam dengan melaksanakan pelbagai strategi dan usaha ke arah matlamat tersebut. Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) digunakan untuk menilai aspek kognitif, afektif, dan psikomotor pelajar, dengan pendekatan yang seimbang dan menyeluruh. Noor Hisham Md Nawi (2011) menyatakan bahawa penilaian adalah penting kerana ia dianggap sebagai langkah utama untuk menentukan perkembangan, pencapaian, dan kemajuan kurikulum serta pendidikan secara keseluruhan. Surah Al-Ankabut 29: 2-3 menjelaskan isyarat daripada ayat al-Quran tentang kepentingan elemen penilaian, yang bermaksud;

Patut kah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: "Kami beriman", sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)? (2). Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian demikian), nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang sebenar-benarnya beriman, dan nyata pula apa yang diketahuiNya tentang orang-orang yang berdusta.



Azizi Ahmad (2015) menyatakan bahawa pentaksiran yang efektif melibatkan pelbagai aspek, termasuk tahap gred yang dinilai, kandungan subjek, penggubalan peperiksaan, dan penggunaan kaedah pentaksiran yang disarankan. Bruner (1960), dalam buku klasiknya bertajuk *The Process of Education*, menyatakan bahawa, “The curriculum of a student should be determined by the most fundamental understanding that can be achieved of the underlying principles that give structure to that subject.” Beliau mengutarakan beberapa prinsip asas dalam pentaksiran pengetahuan dan kemahiran yang dapat menghasilkan keputusan terbaik. Pemahaman terhadap prinsip-prinsip ini amat diperlukan untuk memastikan pelaksanaan amalan pendidikan yang efektif, demi meningkatkan pencapaian pelajar. Pentaksiran ini menekankan pembelajaran individu, sama ada di dalam bilik darjah, bengkel, atau dalam kumpulan (Azizi Ahmad, 2016).

Murid-murid Tahap 1 sekolah rendah mula menerima Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) sepenuhnya dalam konteks Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2018 (Sh. Siti Hauzimah, 2019). Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia guru memainkan peranan yang sangat penting dalam pelaksanaan PBD kerana merekalah yang memastikan proses ini berjalan dengan lancar. Bermula pada Oktober 2018, KPM telah menyebarkan maklumat mengenai PBD secara rasmi, dan pada Januari 2019, pelaksanaannya bermula di peringkat sekolah. Rangka kerja PBD telah diberikan kepada pentadbir sekolah dalam tempoh empat bulan, dan maklumat ini kemudiannya disampaikan kepada ibu bapa, penjaga, serta guru yang terlibat secara langsung (Velerie & Musirin, 2021).



Pentaksiran formatif dan sumatif ialah dua kaedah utama dalam PBD yang digunakan dalam institusi pendidikan. Pentaksiran sumatif merujuk kepada ujian formal yang dijalankan untuk mengukur pencapaian pelajar pada peringkat akhir persekolahan. Sebaliknya, pentaksiran formatif boleh berbentuk ujian formal atau tidak formal yang digunakan untuk menilai penguasaan dan kemajuan pelajar dalam kelas (Boon, Lee & Lawrence, 2017). Pentaksiran formatif diberi penekanan utama kerana ia bertujuan untuk meningkatkan pencapaian murid dalam pembelajaran, dengan fokus untuk membina keupayaan dan potensi murid (Na'imah, 2011). Perbezaan utama antara kedua-dua jenis pentaksiran ini terletak pada tujuan dan masa pelaksanaannya. PBD bertujuan untuk menilai perkembangan murid secara berterusan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di kelas (Jacob & Parkinson, 2015). Menurut Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK, 2019), PBD adalah pentaksiran yang dilakukan secara berterusan dalam sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), dengan matlamat untuk memperoleh maklumat mengenai perkembangan, kemajuan, kebolehan, dan pencapaian murid, sekali gus memberikan maklum balas yang berguna untuk memperbaiki pengajaran guru.

Dengan perubahan mendadak dalam dunia pendidikan, pendidik perlu menjadi lebih inovatif dalam menangani perubahan tersebut untuk memastikan objektif dan agenda pendidikan dapat dipertahankan. Adjah Naqkiah (2021) menyatakan bahawa anjakan paradigma tidak hanya tertumpu pada proses pengajaran dan pembelajaran, tetapi juga memerlukan pendidik menghadapi cabaran dengan baik untuk mengukuhkan proses pentaksiran yang terstruktur. Untuk memastikan domain yang ingin dicapai boleh dinilai, pentaksiran harus kekal relevan. Oleh itu, pendidik perlu





memanfaatkan teknologi digital bagi meningkatkan proses pembelajaran dan sistem siber, sebagaimana dinyatakan oleh R. Mursid dan Erma Yulia (2019).

Pendidikan digital memerlukan guru untuk mengubah cara mereka melihat pentaksiran dan konsep pendidikan agar dapat memenuhi keperluan zaman. Setiap guru perlu mengubah pendekatan mereka dalam menaksir supaya menjadi lebih inovatif, menarik, dan dapat menarik perhatian murid. Oleh itu, guru mesti kreatif, kritis, mahir dalam teknologi, dan mampu menggunakan aplikasi digital. Menurut Tiarmayanti Novita Sonia (2019), teknologi akan menggantikan peranan guru. Guru tidak hanya sekadar menyampaikan pengetahuan kepada pelajar, tetapi juga perlu menjadi fasilitator, *motivator*, *inspirator*, mentor, serta menanamkan nilai-nilai karakter dan empati sosial.



Sebagai respons terhadap perubahan ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan agenda Pendidikan 4.0, yang mengutamakan pendekatan pendidikan holistik. Salah satu ciri utama dalam Pendidikan 4.0 ialah penggunaan pentaksiran alternatif (Haziyah et al., 2021). Pendekatan ini bertujuan untuk menilai pencapaian pelajar secara lebih menyeluruh, dengan mengambil kira kemahiran, pengetahuan, dan nilai pelajar. Inisiatif ini seiring dengan objektif KPM untuk meningkatkan kualiti pendidikan melalui pemanfaatan teknologi, sekali gus menghasilkan generasi yang lebih berdaya saing dan berdaya maju dalam dunia digital (Radzi Jidin, 2021). Pendekatan ini juga terkandung dalam PPPM 2013-2025, yang mengutamakan penambahbaikan dalam sistem pentaksiran untuk memastikan penilaian yang lebih holistik terhadap kemajuan pelajar. Justeru, pentaksiran alternatif yang boleh dilakukan adalah seperti Pentaksiran Alternatif Digital (PA-Digital).





PA-Digital boleh dilaksanakan melalui pelbagai aplikasi digital dan alat teknologi. Pada tahun 2012, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memperkenalkan platform *Frog Virtual Learning Environment* (VLE Frog) yang dirancang untuk membantu guru mengurus proses pembelajaran pelajar secara digital, serta memberi tumpuan kepada pentaksiran alternatif digital. Platform ini bukan sahaja digunakan untuk penilaian pelajar, tetapi juga untuk penyebaran maklumat kepada pelajar (Termit & Noorma, 2015; The JISC infoNet Service, 2006). Sejak diperkenalkan, banyak sekolah di bawah KPM telah melaksanakan penilaian digital. Sebagai contoh, Titik Rahayu et al. (2018) menyatakan bahawa penggunaan VLE Frog di sekolah menyokong pelbagai jenis e-pembelajaran, termasuk penyampaian maklumat dan pengurusan bahan kursus. Di samping itu, guru boleh menggunakan platform ini untuk menetapkan pelajaran, menjalankan ujian, dan merekodkan markah pelajar (Thah, 2014). Guru juga boleh memberi tugasan, melaksanakan ujian, dan menyemak tugas secara maya, sementara pelajar boleh menghantar tugas dan menerima markah mereka secara digital (Shahfiezul & Fariza, 2015). Dengan menggunakan teknologi seperti VLE Frog, proses pentaksiran dapat dijalankan dengan lebih efisien dan interaktif, meningkatkan pengalaman pembelajaran digital untuk pelajar.

Pada tahun 2014, Google membangunkan aplikasi pendidikan percuma dikenali sebagai *Google Classroom*, yang memudahkan guru dalam menaksir tugas tanpa menggunakan kertas (Maimun Aqsha et al., 2021). Muhammad Alif dan Sanimah (2019) pula menyatakan bahawa *Google Classroom* menawarkan pelbagai fungsi, termasuk rangkaian sosial, alat untuk berkongsi bahan, papan pembelajaran interaktif, penyimpanan data, serta penyediaan latihan pengukuhan seperti *Quizizz*, *Kahoot*, dan





*Quizlet*. Selain itu, pada 15 Jun 2020, KPM melancarkan Portal DELIMa, satu inisiatif pendidikan digital Malaysia yang merupakan penjenamaan semula platform pembelajaran digital MOE selepas Frog VLE (Maimun Aqsha et al., 2021). Kerjasama jangka panjang antara KPM dengan Google, Microsoft, dan Apple membolehkan penyediaan platform pembelajaran DELIMa serta platform lain yang sesuai, sekali gus memberi peluang kepada guru dan murid untuk melaksanakan aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) serta pentaksiran secara digital.

Portal DELIMa KPM ialah aplikasi percuma yang tersedia untuk semua pelajar dan guru, menawarkan pelbagai aplikasi seperti buku teks digital, Padlet, Canva, dan lain-lain. Platform ini membolehkan guru melaksanakan aktiviti pentaksiran digital, seperti projek, kuiz, pembentangan, dan tunjuk cara. KPM memainkan peranan penting dalam memperkenalkan dan menggalakkan penggunaan platform seperti Frog VLE, *Google Classroom*, dan DELIMa untuk mewujudkan pentaksiran digital alternatif di sekolah. Oleh itu, pendidik perlu mempunyai komitmen yang kukuh untuk menjalankan pentaksiran yang berkesan dan menarik minat murid (Siti Hauzimah, 2019). Salah satu cara untuk menarik minat pelajar adalah dengan melaksanakan Pentaksiran Alternatif Digital.

Di samping itu, untuk melahirkan murid yang cemerlang, guru perlu memainkan peranan sebagai pendidik yang berakhlak baik serta membantu dalam proses pengajaran (Othman & Kassim, 2017). Pentaksiran berkualiti ialah kunci untuk meningkatkan keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dan menghasilkan pelajar yang bukan sahaja berkemahiran tinggi tetapi juga berkualiti dalam pelbagai aspek (Abdul Halim & Zuraini, 2021). Selaras dengan objektif Dasar Pendidikan





Digital Negara (DPD) 2023, guru memegang peranan penting sebagai peneraju dalam memperkenalkan teknologi serta menggunakan alat digital dalam pengajaran dan pentaksiran mereka. DPD merupakan komitmen kerajaan untuk pembangunan pendidikan yang mampan, dengan menggalakkan penggunaan teknologi digital dalam sistem pendidikan, Daripada peringkat prasekolah hingga lepasan menengah, secara harmoni, inovatif, bertanggungjawab, dan bermoral. Menyediakan generasi yang fasih digital adalah inti kepada DPD, yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti pendidikan negara agar menjadi yang terbaik di dunia.

Beberapa elemen penting yang digariskan dalam Dasar Pendidikan Digital Negara (DPD) termasuk kemahiran teknologi murid, budaya kepemimpinan yang bijak, keupayaan infrastruktur dan info struktur, kandungan berkualiti tinggi, serta rakan strategik yang komited. Melalui teras kedua DPD, KPM berhasrat untuk menghasilkan guru yang mahir dalam pendigitalan pendidikan, yang mampu mengintegrasikan teknologi dalam pengajaran melalui penggunaan alat digital, aplikasi, dan platform pembelajaran dalam talian bagi meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar. Kebolehan guru untuk menghasilkan dan menilai bahan pembelajaran digital merupakan aspek penting dalam pendidikan digital yang perlu diberi perhatian. Oleh itu, pelaksanaan PA-Digital ialah salah satu cara utama untuk mencapai hasrat ini, kerana pentaksiran ialah tugas penting yang dilaksanakan oleh guru sepanjang tahun. Kesimpulannya, pelaksanaan PBD Pendidikan Islam secara digital memerlukan komitmen menyeluruh daripada guru, khususnya sebagai pelaksana penilaian kurikulum Pendidikan Islam. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji hubungan elemen akhlak guru, yang terdiri daripada elemen *al-Hikmah* (kebijaksanaan dan pengetahuan), *al-Syaja'ah* (keberanian), *al-'Iffah* (pengendalian diri), dan *al-'Adu*





(keadilan), terhadap kesediaan guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan PA-Digital di sekolah kebangsaan.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Pentaksiran merupakan komponen utama dalam merealisasikan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan pembangunan holistik murid dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani. Guru, sebagai pelaksana utama kurikulum, bertanggungjawab melaksanakan pentaksiran secara adil, beretika dan berkesan, seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025. Seiring transformasi dalam pendidikan, pendekatan Pentaksiran Alternatif Digital (PA-Digital) mempunyai hubungan yang rapat dengan Dasar Pendidikan Digital 2023. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya memerlukan bukan sahaja kemahiran teknikal, tetapi juga penghayatan terhadap nilai dan etika profesionalisme guru Pendidikan Islam (Kamrul Jasmi & Halim Tamuri, 2015; Liska, 2021). Bagi guru Pendidikan Islam (GPI), nilai-nilai akhlak seperti *al-Hikmah*, *al-Syaja'ah*, *al-'Iffah* dan *al-'Adlu* sebagaimana dihuraikan oleh al-Ghazali (1964) merupakan asas penting dalam pembentukan etika dan profesionalisme. Nilai-nilai ini dapat membimbing guru melaksanakan pentaksiran secara adil, seimbang dan beretika. Pandangan ini turut selari dengan gagasan pendidikan berteraskan adab dan integriti ilmu yang diketengahkan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (1990).

Namun begitu, dalam konteks pelaksanaan PA-Digital kelemahan dalam penguasaan ilmu, kefahaman terhadap kurikulum, serta refleksi pedagogi yang terhad dalam kalangan guru menimbulkan persoalan besar tentang sejauh mana nilai *al-*





*Hikmah* seperti yang dihuraikan oleh al-Ghazali benar-benar diaplikasikan dalam amalan pentaksiran. Menurut al-Ghazali, *al-Hikmah* merangkumi pemilikan ilmu yang benar serta kemampuan menggunakan ilmu tersebut secara bijaksana dan berhemah untuk kebaikan yang lebih besar. Namun, dapatan kajian seperti Muhammad Izzat (2021), Mazarul et al. (2021), Nor Azizah et al. (2020) dan Mohd Haidzir & Norasmah (2019) menunjukkan wujudnya kekangan dalam kalangan guru berkaitan penguasaan teknologi, kefahaman terhadap DSKP, serta kebergantungan kepada pendekatan pentaksiran konvensional. Kajian Kitikedizah dan Maimun Aqsa (2021) serta Mohd Huzaimi et al. (2020) turut menekankan kepincangan dalam integrasi pengetahuan pedagogi, kandungan dan teknologi (TPACK), manakala dapatan Yan dan Yang (2021) pula menggariskan kelemahan dalam pelaksanaan pentaksiran formatif selepas sesi pengajaran. Tambahan pula, laporan Astro Awani (2024) mendedahkan bahawa hanya 1.73% daripada 360,365 guru yang disaring berada pada tahap kompetensi digital lanjutan, manakala 74.73% berada pada tahap pertengahan. Kegagalan menggabungkan pengetahuan, kesedaran terhadap amanah profesional dan kemampuan reflektif ini mencerminkan pelaksanaan pentaksiran yang belum mencapai tahap hikmah, iaitu kebijaksanaan yang terbimbing dengan ilmu dan pertimbangan nilai.

Selain kebijaksanaan (*al-Hikmah*), keberanian (*al-Syaja'ah*) turut memainkan peranan penting dalam melaksanakan PA-Digital secara yakin, progresif dan inovatif. Menurut al-Ghazali, *al-Syaja'ah* bukan sekadar keberanian fizikal, tetapi kekuatan dalaman yang dipimpin oleh akal dan hikmah untuk membuat keputusan yang berani, adil dan seimbang ketika berhadapan dengan cabaran. Nilai ini sangat penting dalam konteks perubahan pendidikan yang menuntut guru keluar dari zon selesa dan meneroka kaedah pentaksiran yang lebih autentik serta berfokuskan murid. Namun begitu,





pelbagai kajian mendapati nilai keberanian ini masih belum berakar kukuh dalam amalan guru. Kajian Tajularipin et al. (2021) menunjukkan bahawa keberanian guru meneroka pendekatan pentaksiran inovatif menjadi pemangkin utama kejayaan pentaksiran alternatif. Akan tetapi, pengaruh amalan tradisional masih kuat dalam kalangan guru Sekolah Kebangsaan, menyebabkan ramai guru termasuk GPI berasa ragu-ragu untuk beralih kepada pendekatan digital (Lenore et al., 2021; Masfarizan & M. Yusoff, 2020).

Kekurangan kreativiti dan keberanian turut dikenal pasti menghambat inovasi dalam pentaksiran digital (Nor Azizah et al., 2020), manakala Shamshinar et al. (2018) melaporkan pendekatan pengajaran masih kekal sehala dan berpusatkan guru. Situasi ini menunjukkan ketandusan keberanian berasaskan ilmu dan pertimbangan nilai, seperti yang ditekankan dalam *al-Syaja'ah* menurut al-Ghazali, yang seharusnya menjadi teras kepada transformasi pentaksiran era digital. Kegagalan menghayati dan mengamalkan nilai ini memberi kesan kepada GPI untuk melaksanakan PA-Digital secara efektif dan bermakna, khususnya bagi memenuhi keperluan pembelajaran generasi Z (Nuha et al., 2018).

Selain *al-Hikmah* dan *al-Syaja'ah*, nilai pengendalian diri (*al-'Iffah*) turut memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan PA-Digital oleh GPI di Sekolah Kebangsaan. Menurut al-Ghazali, *al-'Iffah* merujuk kepada keseimbangan dalam mengawal dorongan nafsu dan emosi, dengan berpandukan akal dan nilai syarak. Dalam konteks pendidikan digital di bilik darjah Sekolah Kebangsaan, nilai ini penting agar guru tidak bersikap reaktif atau menolak perubahan secara emosional, sebaliknya mampu bertindak profesional, sabar dan terbuka terhadap





inovasi. Pemerhatian awal penyelidik melalui temu bual bersama GPI di Sekolah Kebangsaan pada 30 Ogos 2023 menunjukkan bahawa mereka masih bergantung kepada pendekatan konvensional, kurang yakin dengan aplikasi digital dan menghadapi kekangan teknologi.

Dapatan ini disokong oleh Mohamed Nazul (2020) yang melaporkan keengganan GPI menggunakan teknologi, serta Mohd Haidzir dan Norasmah (2019) yang mendapati wujudnya keraguan terhadap pentaksiran alternatif. Hasmadi dan Artika (2019) melaporkan bahawa perubahan mendadak dalam pendekatan pentaksiran menyukarkan penyesuaian dalam kalangan GPI di Sekolah Kebangsaan terhadap persekitaran digital. Keadaan ini menuntut penghayatan nilai *al-'Iffah* agar guru dapat mengawal emosi, menyesuaikan diri secara rasional dan bertindak secara profesional ketika berhadapan dengan perubahan. Keddie (2018) serta Oriji dan Amadi (2016) pula mengaitkan kebimbangan guru terhadap inovasi dengan kelemahan kawalan diri dan kecenderungan menolak perubahan secara emosional.

Selain *al-Hikmah*, *al-Syaja'ah* dan *al-'Iffah*, nilai keadilan (*al-'Adlu*) juga menjadi teras penting dalam pelaksanaan PA-Digital yang beretika dan berkesan di Sekolah Kebangsaan. Menurut al-Ghazali, *al-'Adlu* merujuk kepada keseimbangan dan kesepaduan dalam tindakan, iaitu meletakkan sesuatu pada tempatnya dengan adil, berpandukan akal, syarak dan kesedaran diri. Dalam konteks pendidikan di bilik darjah Sekolah Kebangsaan, nilai ini menuntut guru menilai murid secara objektif, telus dan konsisten tanpa dipengaruhi tekanan luaran seperti jangkaan pentadbir, beban dokumentasi atau tekanan untuk memenuhi KPI. Kajian Mustaqim Roslan (2024) mendapati bahawa pelaksanaan pentaksiran Pendidikan Islam Tahap 1 di Sekolah





Kebangsaan masih belum menzahirkan nilai keadilan sepenuhnya berikutan kekangan masa dan ketidakkonsistenan kaedah penilaian yang digunakan oleh guru. Tambahan pula, Mustaqim Roslan (2022) menjelaskan bahawa laporan pentaksiran yang diberikan kepada ibu bapa hanya memaparkan pencapaian murid dalam bentuk Tahap Penguasaan (TP1 hingga TP6) tanpa disertakan justifikasi yang jelas berkaitan kaedah dan asas pemberian TP tersebut. Hal ini telah menimbulkan rasa kurang puas hati dalam kalangan ibu bapa yang mempersoalkan keadilan guru dalam menilai pencapaian anak-anak mereka (Fairul Asmani, 2019).

Ketidakhelasan dan ketidaktelusan dalam pelaksanaan PBD bukan sahaja menjejaskan kepercayaan ibu bapa terhadap sistem pentaksiran, malah turut memberi kesan kepada imej profesionalisme guru. Ashma et al. (2022) turut menegaskan bahawa ketidakadilan dalam pentaksiran boleh mengakis keyakinan ibu bapa terhadap sistem pendidikan, manakala Ali dan Veloo (2017) pula mengaitkan pelaporan yang berat sebelah dengan isu kelemahan integriti guru. Sementara itu, Qurratul Aina (2025) dalam laporan Sinar Bestari turut mengupas isu pemarkahan yang tidak adil akibat sikap pilih kasih guru, yang menjejaskan ketelusan dan menyebabkan murid tidak dinilai berdasarkan kriteria yang saksama dan profesional. Situasi ini jelas menunjukkan bahawa nilai *al-'Adlu*, yang merangkumi elemen kejujuran, kesaksamaan, ketelusan dan tanggungjawab moral, belum sepenuhnya diterapkan dalam amalan pentaksiran di sekolah rendah.

Selain itu, tahap kesediaan guru, khususnya GPI di Sekolah Kebangsaan, memainkan peranan penting dalam memastikan kejayaan pelaksanaan Pentaksiran PA-Digital. Kesediaan ini bukan sahaja merangkumi kemahiran teknikal dan penerimaan





terhadap teknologi, tetapi turut berkait rapat dengan penghayatan nilai-nilai akhlak seperti *al-Hikmah*, *al-Syaja'ah*, *al-'Iffah* dan *al-'Adlu*. Walau bagaimanapun, beberapa kajian terdahulu mendapati tahap kesediaan guru seperti GPI terhadap pelaksanaan pentaksiran masih sederhana (Hasmadi & Artika, 2019; Amie Doris & Ruhizan, 2019), sekali gus menimbulkan keraguan terhadap keupayaan sebenar guru melaksanakan PA-Digital secara beretika dan berkesan.

Walaupun terdapat pelbagai kajian berkenaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), kajian yang meneliti secara mendalam pengaruh nilai akhlak seperti *al-Hikmah*, *al-Syaja'ah*, *al-'Iffah* dan *al-'Adlu* terhadap kesediaan guru, khususnya dalam konteks pelaksanaan PA-Digital dalam Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan, masih terhad. Jurang ini menunjukkan keperluan kepada satu kajian yang lebih menyeluruh untuk memahami bagaimana nilai-nilai akhlak ini membentuk sikap, keupayaan dan tindakan guru dalam mendepani transformasi pentaksiran digital. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengisi kelompangan tersebut dengan meneliti secara holistik peranan empat nilai akhlak utama tersebut dalam menyokong kesediaan GPI di Sekolah Kebangsaan.

#### 1.4 Objektif Kajian

Pelaksanaan kajian ini adalah untuk mencapai objektif-objektif berikut iaitu;

1. Mengenal pasti tahap *al-Hikmah*, *al-Syaja'ah*, *al-'Iffah* dan *al-'Adlu* dalam pelaksanaan PA-Digital di sekolah kebangsaan.



2. Mengenal pasti tahap kesediaan guru Pendidikan Islam dalam pelaksanaan PA- Digital di sekolah kebangsaan.
3. Menganalisis perbezaan tahap *al-Hikmah*, *al-Syaja'ah*, *al-'Iffah* dan *al-'Adlu* dalam pelaksanaan PA-Digital di sekolah kebangsaan berdasarkan lokasi, pengalaman mengajar dan umur guru.
4. Menganalisis perbezaan tahap kesediaan guru Pendidikan Islam dalam pelaksanaan PA-Digital di sekolah kebangsaan berdasarkan lokasi, pengalaman mengajar dan umur guru.
5. Menguji hubungan *al-Hikmah*, *al-Syaja'ah*, *al-'Iffah* dan *al-'Adlu* dengan tahap kesediaan guru Pendidikan Islam dalam pelaksanaan PA-Digital.
6. Menguji sejauh mana pengaruh *al-Hikmah* terhadap kesediaan guru Pendidikan Islam dalam pelaksanaan PA-Digital.
7. Menguji sejauh mana pengaruh *al-Syaja'ah* terhadap kesediaan guru Pendidikan Islam dalam pelaksanaan PA-Digital.
8. Menguji sejauh mana pengaruh *al-'Iffah* terhadap kesediaan guru Pendidikan Islam dalam pelaksanaan PA-Digital.
9. Menguji sejauh mana pengaruh *al-'Adlu* terhadap kesediaan guru Pendidikan Islam dalam pelaksanaan PA-Digital.

## 1.5 Persoalan Kajian

Pelaksanaan kajian ini bagi menjawab persoalan kajian seperti berikut;

1. Apakah tahap *al-Hikmah*, *al-Syaja'ah*, *al-'Iffah* dan *al-'Adlu* guru Pendidikan Islam dalam pelaksanaan PA-Digital?

2. Apakah tahap kesediaan guru Pendidikan Islam dalam pelaksanaan PA-Digital?
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan *al-Hikmah*, *al-Syaja'ah*, *al-Iffah* dan *al-'Adlu* guru Pendidikan Islam dalam pelaksanaan PA-Digital berdasarkan lokasi, pengalaman mengajar dan umur guru?
4. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan kesediaan guru Pendidikan Islam dalam pelaksanaan PA-Digital berdasarkan lokasi, pengalaman mengajar dan umur guru?
5. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap *al-Hikmah*, *al-Syaja'ah*, *al-'Iffah* dan *al-'Adlu* dengan kesediaan guru Pendidikan Islam dalam pelaksanaan PA-Digital?
6. Sejauh manakah pengaruh *al-Hikmah* terhadap kesediaan guru Pendidikan Islam dalam pelaksanaan PA-Digital?
7. Sejauh manakah pengaruh *al-Syaja'ah* terhadap kesediaan guru Pendidikan Islam dalam pelaksanaan PA-Digital?
8. Sejauh manakah pengaruh *al-'Iffah* terhadap kesediaan guru Pendidikan Islam dalam pelaksanaan PA-Digital?
9. Sejauh manakah pengaruh *al-'Adlu* terhadap kesediaan guru Pendidikan Islam dalam pelaksanaan PA-Digital?

## 1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian berdasarkan kepada persoalan kajian yang dinyatakan. Hipotesis *null* telah dibina bagi menjelaskan soalan kajian ketiga hingga soalan kajian kesepuluh.

**a Soalan Kajian Ketiga:**

- Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap *al-Hikmah* guru terhadap P pelaksanaan A-Digital berdasarkan lokasi.
- Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap *al-Syaja'ah* guru terhadap pelaksanaan PA-Digital berdasarkan lokasi.
- Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap *al-'Iffah* guru terhadap pelaksanaan PA-Digital berdasarkan lokasi.
- Ho4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap *al-'Adlu* guru terhadap pelaksanaan PA-Digital berdasarkan lokasi.
- Ho5: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap pelaksanaan *al-Hikmah* guru terhadap pelaksanaan PA-Digital berdasarkan pengalaman mengajar.
- Ho6: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap *al-Syaja'ah* guru terhadap pelaksanaan PA-Digital berdasarkan pengalaman mengajar.
- Ho7: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap *al-'Iffah* guru terhadap pelaksanaan PA-Digital berdasarkan pengalaman mengajar.
- Ho8: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap *al-'Adlu* guru terhadap pelaksanaan PA-Digital berdasarkan pengalaman mengajar.
- Ho9: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap *al-Hikmah* guru terhadap pelaksanaan PA-Digital berdasarkan umur.
- Ho10: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap *al-Syaja'ah* guru terhadap pelaksanaan PA-Digital berdasarkan umur.
- Ho11: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap *al-'Iffah* guru terhadap pelaksanaan PA-Digital berdasarkan umur.
- Ho12: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap *al-'Adlu* guru terhadap pelaksanaan PA-Digital berdasarkan umur.

**b Soalan Kajian Keempat:**

Ho13: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan PA-Digital berdasarkan lokasi.

Ho14: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan PA-Digital berdasarkan pengalaman mengajar.

Ho15: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kesediaan guru dalam pelaksanaan PA-Digital berdasarkan umur.

**c Soalan Kajian Kelima:**

Ho16: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara *al-Hikmah* guru dengan kesediaan dalam PA-Digital.

Ho17: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara *al-Syaja'ah* guru dengan kesediaan dalam PA-Digital.

Ho18: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara *al-'Iffah* guru dengan kesediaan dalam PA-Digital.

Ho19: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara *al-'Adu* guru dengan kesediaan dalam PA-Digital.

**d Soalan Kajian Keenam:**

Ho20: Tidak terdapat sumbangan yang signifikan *al-Hikmah* guru terhadap kesediaan dalam PA-Digital.

**e Soalan Kajian Ketujuh:**

Ho21: Tidak terdapat sumbangan yang signifikan *al-Syaja'ah* guru terhadap kesediaan dalam PA-Digital.

**f Soalan Kajian Kelapan:**

Ho22: Tidak terdapat sumbangan yang signifikan *al-Iffah* guru terhadap kesediaan dalam PA-Digital.

**g Soalan Kajian Kesembilan:**

Ho23: Tidak terdapat sumbangan yang signifikan *al-'Adlu* guru terhadap kesediaan dalam PA-Digital.

## 1.7 Batasan Kajian

Bagi mencapai objektif kajian yang ditetapkan, kajian ini mempunyai beberapa batasan seperti berikut:

**a Batasan lokasi, populasi dan sampel**

Kajian ini hanya melibatkan guru-guru Pendidikan Islam (GPI) di sekolah kebangsaan di seluruh Malaysia. Sampel kajian terhad kepada guru yang mengajar Pendidikan Islam di sekolah-sekolah kebangsaan yang bernaung di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Populasi kajian akan merangkumi lima buah zon di Malaysia, iaitu zon utara, zon tengah, zon selatan, zon timur, dan zon Malaysia Timur. Pemilihan

sekolah dan guru bertujuan untuk mendapatkan representasi yang luas dan mewakili populasi secara keseluruhan.

### **b Fokus kajian**

Fokus utama kajian ini adalah untuk meninjau hubungan elemen akhlak guru seperti *al-Hikmah*, *al-Syaja'ah*, *al-Iffah* dan *al-Adlu* dengan kesediaan mereka dalam PA-Digital. Selain itu, kajian turut meninjau tahap *al-Hikmah*, *al-Syaja'ah*, *al-Iffah* dan *al-Adlu* serta aspek kesediaan GPI dalam PA-Digital. Sumbangan *al-Hikmah*, *al-Syaja'ah*, *al-Iffah* dan *al-Adlu* terhadap kesediaan PA-Digital turut dikenal pasti oleh pengkaji selain turut melihat perbezaan *al-Hikmah*, *al-Syaja'ah*, *al-Iffah*, *al-Adlu* dan kesediaan PA-Digital berdasarkan lokasi, umur dan pengalaman mengajar guru. Kajian ini merujuk kepada Teori Akhlak Imam al-Ghazali (1964) yang menggariskan sifat-sifat terpuji seperti *al-Hikmah*, *al-Syaja'ah*, *al-Iffah*, *al-Adlu* sebagai asas kepada pengajaran dan pembelajaran yang beretika dan berkesan, terutamanya dalam penggunaan teknologi dalam pendidikan.

### **c Metodologi kajian**

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama bagi mendapatkan data daripada responden. Selain itu, data juga akan diperoleh melalui temu bual untuk memberikan sokongan terhadap data kuantitatif deskriptif yang diperoleh. Namun, kajian ini bergantung sepenuhnya kepada persepsi, kejujuran, dan keikhlasan guru dalam memberikan penilaian sendiri semasa menjawab soal selidik. Faktor-faktor seperti kefahaman responden terhadap soalan, kejujuran mereka dalam memberi



maklum balas, serta emosi yang mungkin mempengaruhi mereka semasa menjawab soal selidik, boleh mempengaruhi ketepatan dan kualiti data yang diperolehi. Oleh itu, kajian ini akan memastikan soal selidik dirangka dengan jelas dan mudah difahami bagi meminimumkan sebarang kekeliruan dalam memberi respons.

## 1.8 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini adalah kepada komponen-komponen berikut;

### a Kepentingan kajian kepada KPM

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan mendapat maklumat secara langsung daripada hasil kajian ini. Sebagai peneraju dan perancang utama hala tuju pendidikan, KPM mempunyai keupayaan untuk melihat setiap isu berkaitan pembelajaran daripada perspektif global. Kajian ini akan menyediakan data kepada KPM mengenai *al-Hikmah*, *al-Syaja'ah*, *al-'Iffah*, dan *al-'Adlu* dan kesediaan guru dalam pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Digital (PA-Digital). Selain itu, KPM dapat merangka pelan tindakan untuk memastikan pelaksanaan PA-Digital berjalan dengan baik, selaras dengan hasrat KPM dalam Dasar Pendidikan Digital 2023. Pelaksanaan PA-Digital boleh dijadikan alternatif kepada guru dalam melaksanakan pentaksiran murid. Oleh itu, amalan ini perlu diperkasakan dan ditambah baik seiring dengan transformasi pendidikan. Kajian ini juga diharapkan dapat membantu Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), KPM, dalam merancang dan menyediakan bahan serta modul pentaksiran digital yang selaras dan sistematik. Hasil kajian ini kemudiannya akan menjadi panduan berguna untuk guru pada masa depan.





Selain itu, hasil kajian ini akan membangkitkan beberapa isu dan penyelesaian yang boleh digunakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk meningkatkan kualiti guru daripada aspek *al-Hikmah*, *al-Syaja'ah*, *al-'Iffah* dan *al-'Adlu* guru dalam melaksanakan PA-Digital di sekolah kebangsaan. Kajian ini juga boleh membantu KPM dalam membangunkan strategi untuk memperkukuh aspek pentaksiran digital, berfungsi sebagai wahana untuk memastikan perkembangan pembelajaran yang menyeluruh dalam kalangan murid di sekolah kebangsaan.

#### **b Kepentingan kajian kepada PPD, JPN, BPPDP dan BPI**

Selain Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), kajian ini dijangka akan memberi manfaat ke Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) melalui Unit Kurikulum dalam meningkatkan kualiti pengajaran guru-guru di sekolah. Bagi meningkatkan amalan atau profesionalisme guru, kursus berkaitan penggunaan ICT dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) boleh dianjurkan. Pendedahan sebegini akan membuka minda guru tentang pelbagai kaedah pengajaran dan pentaksiran, serta penggunaan alat pentaksiran yang sesuai untuk murid. Kajian ini juga diharapkan dapat membantu pihak yang terlibat dalam penyelidikan, seperti Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) dan Bahagian Pendidikan Islam (BPI), dalam mendapatkan lebih banyak maklumat tentang cara meningkatkan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah.





### c **Kepentingan kajian kepada pentadbir dan GPI**

Pentadbir sekolah mesti sentiasa membantu, memudah cara dan meningkatkan aspek *al-Hikmah*, *al-Syaja'ah*, *al-'Iffah* dan *al-'Adlu* guru tentang PA-Digital. Pihak pentadbir perlu memastikan panitia Pendidikan Islam melalui kumpulan PLC (*Professional Learning Community*) sekolah menambah baik aspek pengetahuan guru dalam pentaksiran digital yang dijalankan. Selain itu, pentadbir juga perlu membincangkan dan menyelaraskan kaedah dan instrumen yang sesuai mengikut keperluan setempat. Selain itu, pentadbir perlu memastikan guru sentiasa mempunyai kawalan diri yang baik dan bersikap adil untuk menentukan tahap penguasaan (TP) murid mereka dan kemudian mengambil tindakan yang sesuai untuk meningkatkan TP murid masing-masing. Bagi memastikan pelaksanaan PBD berjalan lancar dan tepat, pihak pentadbir sekolah mempunyai tanggungjawab yang sangat besar terhadap penjaminan kualiti PBD (KPM 2018). Bagi memastikan kualiti pelaksanaan PBD dan PdP Pendidikan Islam dapat ditingkatkan, pentadbir perlu bekerjasama dengan panitia Pendidikan Islam.

Kajian ini akan membantu pentadbir sekolah dengan memberikan maklumat tentang elemen akhlak guru Pendidikan Islam seperti *al-Hikmah*, *al-Syaja'ah*, *al-'Iffah* dan *al-'Adlu* dalam Pentaksiran Alternatif Digital. Maklumat kajian ini boleh membantu pentadbir dan GPI merangka strategi pengajaran yang menarik semasa melaksanakan PA-Digital. Selain itu, pihak sekolah mempunyai keupayaan untuk merancang dan mengadakan pelbagai aktiviti, seperti seminar, kursus dan bengkel, untuk menyediakan guru dengan pemahaman yang lebih baik tentang pentaksiran digital. Ia juga boleh digunakan sebagai garis panduan kepada GPI untuk mengubah suai kaedah pentaksiran supaya ia sesuai dengan matlamat pendidikan abad ke-21.



#### **d Kepentingan kajian kepada Murid**

Salah satu faedah penggunaan pentaksiran digital ialah guru mempunyai keupayaan sepenuhnya untuk meningkatkan kreativiti pengajaran mereka terhadap pembelajaran dan pentaksiran murid di dalam kelas melalui penggunaan teknologi digital. Bagaimanapun, guru masih boleh mengekalkan bentuk penilaian sumatif sedia ada (berbentuk konvensional). Murid akan lebih teruja untuk terlibat dalam aktiviti PdP sekiranya guru melakukan pentaksiran dengan kaedah yang menarik, fleksibel dan pelbagai dalam kelas.

GPI boleh melaksanakan PA-Digital di mana-mana sahaja. Sebagai contoh, GPI boleh menjalankan aktiviti pentaksiran seperti latihan dalam bidang al-Quran dan Jawi, serta menggunakan aplikasi e-permainan seperti *Quizizz* dan *Kahoot!* Aplikasi-aplikasi ini boleh dimanfaatkan untuk tujuan pembelajaran, penilaian, pengujian, pengukuran, cabaran, persaingan, dan juga hiburan. Melalui penggunaan aplikasi tersebut, guru dapat memupuk minat dan motivasi murid terhadap pembelajaran Jawi dan al-Quran. Ia berpotensi untuk meningkatkan kemampuan pelajar dalam memahami al-Quran serta membaca terjemahan tulisan Jawi. Walaupun permainan ini bersifat santai, guru juga boleh menjadikan pengalaman pembelajaran yang lebih aktif dan menyeronokkan. Oleh itu, permainan digital (gamification) yang interaktif dan tidak membosankan dapat menarik minat pelajar, sekali gus memudahkan guru menjalankan pentaksiran dengan paparan markah yang direkodkan.

Elemen akhlak *al-Hikmah*, *al-Syaja'ah*, *al-'Iffah*, dan *al-'Adlu* membolehkan GPI melaksanakan pentaksiran digital dengan berkesan. Selain itu, GPI juga mempunyai keupayaan untuk memberi impak positif kepada murid dalam pelbagai



cara, seperti menjadikan pengajaran dan pentaksiran lebih menarik serta interaktif. Ini membolehkan guru meningkatkan motivasi murid, membantu murid mengenal pasti kekuatan dan kelemahan diri mereka dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP), meningkatkan kemahiran berfikir kritis dan kreatif, serta mendorong peningkatan pencapaian diri mereka. Walaupun pentaksiran digital dianggap sukar, ia bukanlah sesuatu yang boleh dielakkan. KPM perlu mengutamakan pelaksanaan pentaksiran digital dalam PdP Pendidikan Islam, kerana ia akan melahirkan murid yang mampu menyelesaikan masalah dan membuat keputusan secara berdikari, selari dengan objektif Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR).

### 1.9 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini menggambarkan keseluruhan rangka kajian dan bertindak sebagai panduan untuk penyelidik dalam menjalankan kajian dengan sempurna. Ia menerangkan hubungan antara setiap pemboleh ubah yang dikaji. Dalam kajian ini, pemboleh ubah utama dibahagikan kepada dua buah komponen penting. Komponen pertama merujuk kepada Teori Akhlak Imam al-Ghazali (1964), yang merangkumi empat elemen akhlak utama iaitu *al-Hikmah* (kebijaksanaan), *al-Syaja'ah* (keberanian), *al-'Iffah* (kawalan diri), dan *al-'Adlu* (keadilan). Komponen kedua ialah kesediaan guru dalam Pentaksiran Alternatif Digital (PA-Digital). Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh elemen-elemen akhlak iaitu *al-Hikmah*, *al-Syaja'ah*, *al-'Iffah*, dan *al-'Adlu* dengan kesediaan guru Pendidikan Islam (GPI) dalam PA-Digital, dengan mengadaptasikan teori akhlak Al-Ghazali (1964) sebagai asas rujukan utama. Keempat-empat elemen akhlak ini dikaji untuk memahami bagaimana setiap elemen berkaitan dan mempengaruhi kesediaan guru dalam melaksanakan PA-Digital di





Sekolah Kebangsaan. Oleh itu, kerangka konsep dibangunkan untuk menerangkan hubungan antara setiap pemboleh ubah yang dikaji. Kajian terdahulu oleh Nik Zul Azhar dan Musliha (2018) mengenai tahap penghayatan akhlak dalam kalangan bakal guru di IPGK Tun Abdul Razak, Kota Samarahan, menunjukkan kepentingan Teori Penghayatan Akhlak Islam al-Ghazali sebagai asas penyelidikan. Kajian mereka memberi tumpuan khusus kepada aspek *al-Hikmah* dan *al-'Iffah*, yang menjadi fokus utama dalam memahami penghayatan akhlak dalam kalangan bakal guru.

Oleh itu, penyelidik telah mengubah suai teori akhlak Islam mengikut konteks penyelidikan ini dengan memberi tumpuan kepada empat elemen utama akhlak iaitu *al-Hikmah*, *al-Syaja'ah*, *al-'Iffah*, dan *al-'Adlu* dalam kalangan guru Pendidikan Islam di sekolah kebangsaan. Selain itu, penyelidik juga mengadaptasi kerangka konseptual yang dibangunkan oleh Harlina (2021), yang mengkaji pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah dalam konteks pengetahuan, amalan, sikap, dan kesediaan guru Bahasa Melayu. Kajian ini turut mempertimbangkan kesan faktor demografi seperti umur, lokasi guru bertugas, dan pengalaman mengajar terhadap pemboleh ubah yang dikaji, iaitu *al-Hikmah*, *al-Syaja'ah*, *al-'Iffah*, *al-'Adlu*, dan kesediaan. Pemboleh ubah kajian dalam kerangka konseptual seperti dalam Jadual 1.1 berikut;



## Jadual 1.1


### Jadual Senarai Pemboleh Ubah

Pemboleh Ubah Bebas	Pemboleh Ubah Bersandar
<p><i>Al-Hikmah</i> Guru Pendidikan Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Konsep Pentaksiran</li> <li>• Objektif Pentaksiran</li> <li>• Ciri-Ciri Pentaksiran</li> </ul>	<p>Kesediaan Pentaksiran Alternatif Digital (PA-Digital) Kurikulum Pendidikan Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelaksanaan PA-Digital</li> <li>• Strategi Pelaksanaan PA-Digital</li> <li>• Peningkatan Pengetahuan dalam PA-Digital</li> </ul>
<p><i>Al-Syaja'ah</i> Guru Pendidikan Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perancangan Pentaksiran</li> <li>• Kaedah Pentaksiran</li> <li>• Pertimbangan Profesional</li> </ul>	
<p><i>Al-'Iffah</i> Guru Pendidikan Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pandangan tentang Pentaksiran</li> <li>• Tingkah laku dalam Pentaksiran</li> <li>• Perubahan dalam Pentaksiran</li> </ul>	
<p><i>Al-'Adlu</i> Guru Pendidikan Islam</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelaporan PA-Digital</li> <li>• Tindak Susul</li> <li>• Perekodan Data</li> </ul>	

Akhir sekali, Rajah 1.1 menunjukkan kerangka konseptual kajian, yang menggambarkan keseluruhan aspek kajian.

## Rajah 1.1

### Kerangka Konseptual Kajian



Sumber : Dibina dan diadaptasi daripada Teori Akhlak Imam Al-Ghazali (1964) & Harlina 2021)



## 1.10 Definisi Operasional Kajian

Kajian ini mengenal pasti penggunaan beberapa definisi operasional yang relevan;

### a Pentaksiran Alternatif Digital (PA-Digital)

Salah satu sistem pentaksiran baharu yang dikenali sebagai pentaksiran alternatif bertujuan untuk menilai kebolehan dan pencapaian pelajar secara menyeluruh. Ia menumpukan pada elemen "*know-how*" dan bukannya mengukur prestasi tertentu atau berdasarkan aspek penguasaan pengetahuan atau pengukuran semasa peperiksaan (Haziyah et al., 2021). Pendidikan digital ialah proses penggabungan teknologi digital dalam pendidikan untuk membantu guru mencapai matlamat dalam pembelajaran dan pembelajaran (PdP) (Mohd Amirul & Hafizhah, 2022). Pentaksiran digital merupakan salah satu bentuk pentaksiran alternatif. Ia boleh ditakrifkan sebagai kaedah pentaksiran yang tidak konvensional (kaedah peperiksaan-pensel kertas), menggunakan platform dan aplikasi digital, atau memasukkan elemen penilaian ke dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk menilai prestasi pelajar secara menyeluruh (Suhaida et al., 2022).


Dalam konteks kajian, PA-Digital merujuk kepada jenis pentaksiran yang menggunakan teknologi digital untuk menggantikan atau melengkapkan kaedah pentaksiran tradisional. Ini termasuk penggunaan alat dan platform digital untuk menilai kemahiran dan pengetahuan pelajar dengan cara yang lebih inovatif dan berbeza daripada penilaian konvensional. Selain itu, PA-Digital juga merujuk kepada proses pentaksiran yang menggunakan teknologi digital dalam pelbagai aspek. Ini termasuk penggunaan perisian, aplikasi, dan alat digital untuk mengukur, merekodkan,



dan menganalisis pencapaian atau kemajuan pelajar. Pendekatan ini sering kali menekankan penilaian yang lebih holistik dan kreatif, serta memberi tumpuan kepada kemahiran praktikal dan penerapan pengetahuan dalam situasi dunia sebenar. PA-Digital yang terperinci ditunjukkan dalam Rajah 1.2.

## Rajah 1.2

### *Konsep Pentaksiran Alternatif Digital*



### **b** *Al-Hikmah, Al-Syaja'ah, Al-'Iffah, dan Al-'Adlu Guru dalam PA- Digital*

Menurut kajian ini, konsep empat elemen akhlak yang digariskan oleh Imam al-Ghazali (1964) iaitu *al-Hikmah*, *al-Syaja'ah*, *al-'Iffah*, dan *al-'Adlu* dijadikan asas dalam mentakrifkan kualiti akhlak guru. *Al-Hikmah* merujuk kepada kebijaksanaan dan pengetahuan yang membolehkan guru membuat keputusan terbaik dalam situasi pembelajaran. *Al-Syaja'ah* pula bermaksud keberanian yang diperlukan untuk melaksanakan perubahan dan mengadaptasi teknologi baharu dalam pendidikan. *Al-'Iffah* mencerminkan keupayaan pengendalian diri dalam mengurus cabaran digital, manakala *al-'Adlu* menggambarkan keadilan dalam memberi peluang yang sama kepada semua murid dalam proses pentaksiran. Keempat-empat elemen ini selaras



dengan aspirasi teras kedua Dasar Pendidikan Digital Negara 2023 (DPD) yang bertujuan mengupayakan pendidik kompeten digital. Dengan menerapkan nilai-nilai ini, guru Pendidikan Islam (GPI) dapat melaksanakan Pentaksiran Alternatif Digital (PA-Digital) secara efektif dan inklusif di sekolah kebangsaan di Malaysia.

Dalam konteks kajian PA-Digital pula, *al-hikmah* adalah penting kerana ia melibatkan kebijaksanaan guru dalam memahami dan menerapkan konsep pentaksiran digital, mengenali objektifnya, serta mengetahui ciri-ciri yang sesuai untuk mencapai hasil pentaksiran yang efektif. *Al-Syaja'ah* dalam konteks kajian ini memainkan peranan penting dalam membantu guru melaksanakan pentaksiran digital dengan yakin, khususnya dalam membuat perancangan, memilih kaedah yang sesuai, dan melakukan pertimbangan profesional. Dalam konteks kajian pentaksiran digital *al-'Iffah* pula merujuk kepada keupayaan guru untuk mengawal diri, bersikap profesional, dan beretika dalam memberikan pandangan, menunjukkan tingkah laku, dan melakukan perubahan dalam pentaksiran digital. Sementara itu, *al-'Adlu* dalam konteks kajian pentaksiran digital merujuk kepada memastikan setiap aspek pelaporan, tindak susul dan perekodan data pentaksiran digital dijalankan secara adil, telus, dan tanpa diskriminasi.

### **c Kesediaan Guru dalam PA- Digital**

Kesediaan didefinisikan sebagai kerelaan, sesuatu yang telah sedia ada, dan keinginan seseorang (Sivapakkiam, 2017). Menurut Ismail Zain (2012), kesediaan ialah proses penggabungan elemen fizikal, mental, dan emosi seseorang untuk melakukan sesuatu tindakan. Oleh itu, dalam konteks kajian ini, kesediaan merangkumi komitmen guru





dalam amalan pentaksiran digital, melaksanakan strategi yang sesuai, dan meningkatkan pengetahuan dalam kalangan guru.

### 1.11 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, bab ini memberikan gambaran umum mengenai kajian yang dijalankan untuk menilai tahap *al-Hikmah* (kebijaksanaan), *al-Syaja'ah* (keberanian), *al-'Iffah* (kawalan diri), dan *al-'Adlu* (keadilan) serta pengaruhnya kepada kesediaan guru Pendidikan Islam dalam pelaksanaan Pentaksiran Alternatif Digital (PA-Digital) di sekolah kebangsaan. Bab ini turut merangkumi pengenalan kepada kajian, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif, persoalan kajian, hipotesis, serta kerangka konseptual yang digunakan. Selain itu, bab ini juga membincangkan kepentingan kajian, batasan kajian, dan definisi operasional yang relevan. Keseluruhan kandungan bab ini bertujuan untuk memberikan gambaran menyeluruh mengenai asas kajian dan memberikan panduan untuk pelaksanaan kajian seterusnya.

